

SOALAN NO 128

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian menyelesaikan kekurangan kakitangan yang bertugas di Klinik 1Malaysia (K1M).

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat permohonan jawatan melalui saluran sedia ada bagi mengatasi kekurangan kakitangan di Klinik 1Malaysia (K1M). Sehingga 31 Mei 2014, terdapat 508 jawatan dan pengisian bagi Jururawat dan 508 jawatan dan pengisian bagi Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) di 254 K1M. Manakala bagi jawatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP), 444 jawatan telah diberi dan diisi, dengan 64 jawatan tambahan diperlukan bagi keperluan 254 K1M tersebut. Bagi 64 jawatan tambahan ini, ia telah dipohon menerusi ABM 2014 dan diluluskan dengan agihan dibuat pada Jun 2014. Ini menjadikan sejumlah 1524 jawatan yang terdiri dari tiga (3) kategori anggota iaitu Penolong Pegawai Perubatan (508 jawatan), Jururawat (508 jawatan) dan Pembantu Perawatan Kesihatan (508 jawatan) terdapat di 254 K1M.

Dalam ABM yang sama, bagi menampung keperluan pembukaan 50 buah K1M baru pada tahun 2014, sebanyak 300 jawatan tambahan telah diluluskan iaitu terdiri daripada 100 jawatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP), 100 jawatan Jururawat dan 100 jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK). Agihan jawatan juga dibuat pada Jun 2014.